

MB akan, perjelas isu Fauzi mahu letak • BH - 6 APR 2001 jawatan

KUANTAN, Khamis - Menteri Besar, Datuk Seri **Adnan** Yaakob, akan membuat **penjelasan** terperinci mengenai isu Datuk Fauzi Abdul Rahman mahu meletakkan jawatan **sebagai** Ahli Dewan Undangan Negeri (**Adun**) Beserah selepas siasatan berhubung dakwaannya **ada** politik wang dalam bahagian Kuantan, selesai.

Pada masa ini, katanya, beliau tidak mahu membuat sebarang ulasan kerana siasatan itu sedang dijalankan.

"Saya tidak mahu membuat sebarang ulasan kerana tidak mahu timbul **prasangka**. Kita tungguhlah keputusannya. Itulah saya dapat katakan sekarang.

"Saya akan buat ulasan terperinci **apabila** sampai masa, mungkin seminggu dua lagi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Wisma Sri Pahang, di sini, petang ini.

Fauzi dalam surat peletakan jawatan **sebagai** **Adun** yang diserahkan kepada **Adnan**, Jumaat lalu, mendakwa berlaku politik wang sehingga beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya **bagi** mempertahankan jawatan Ketua Umno bahagian Kuantan.

Beliau turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang didakwa **terbit** dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar **Pahang**.

Secara keseluruhannya, Fauzi menerima 10 pencalonan, tujuh daripadanya **daripada** cawangan di DUN Beserah.

Berikutan dakwaan Fauzi itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat **Umno** bahagian Kuantan ditangguhkan hingga siasatan oleh satu jawatankuasa khas berhubung dakwaan Fauzi berkaitan penyelewengan dan politik wang dalam **parti**, selesai.

Semalam, Naib Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Faisal **Abdullah**, mengesahkan beliau **disoal** seorang daripada **empat** ahli Jawatankuasa Lembaga Disiplin Umno, berhubung dakwaan Fauzi mengenai politik wang dalam pemilihan bahagian itu.

Faisal, yang enggan mendedahkan nama ahli jawatankuasa itu berkata, pertemuan selama satu setengah jam itu diadakan di sini, akhir minggu lalu.